

FPEP UMS anjur sesi 'Meet and Greet', bina keyakinan pelajar pacsiswazah baharu

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan sesi ramah mesra 'Meet and Greet' bersama 37 pelajar pascasiswazah Semester 2, 2018/2019 di fakulti berkenaan.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah) FPEP Dr Arif @ Kamisan Pusiran berkata, semasa mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah, para pelajar perlu membentuk disiplin diri dan mengekalkan hubungan baik dengan penyelia.

"Amat penting bagi para pelajar pascasiswazah untuk bergiat aktif menyertai aktiviti dan program bukan

IB 20.2.2019 B6

akademik anjuran fakulti dan UMS di samping sentiasa bersikap proaktif serta saling berhubungan dengan rakan-rakan pelajar selain ahli akademik.

"Para pelajar bukan sahaja dapat membina jalinan persahabatan yang kukuh, malah ada dalam kalangan rakan-rakan dan penyarah dikenali nanti dapat memberikan maklumat serta maklum balas mengenai kajian yang dijalankan, sekali gus membantu kelancaran proses pengajian," katanya ketika mewakili Dekan FPEP Prof Dr Raman Noordin pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPEP UMS Dr Rini Suryati Sulong serta beberapa

pensyarah selaku penyelia kepada pelajar baharu.


Berberapa pelajar antarabangsa yang ditemui menyatakan mereka mengenali UMS sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang tersohor di Borneo.

Pelajar dari China, Yuan Weiren berkata keindahan flora dan fauna kepulauan Borneo, khasnya negeri Sabah memang sudah sedia dikenali oleh komuniti antarabangsa.

"Faktor lain yang mendorong saya datang ke Sabah adalah kerana adanya penerbangan langsung ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

dari China," katanya.

Rakan senegaranya, Xiao Yanli turut senada



ARIF sedang menyampaikan taklimat pengenalan fakulti.

dengan beliau apabila turut melahirkan rasa teruja dengan persekitaran kampus UMS

serta tidak sabar untuk menikmati keindahan negeri

Sabah semasa mengikuti pengajian doktor falsafah di FPEP nanti.

"Pengajian di universiti ini pasti menjadi satu memori

yang indah buat kami," kata mereka berdua yang juga pensyarah di salah sebuah universiti di China.

Bagi pelajar tempatan, Sean Andrew Labansing, dia meneruskan ijazah doktor falsafah di UMS kerana yakin akan keupayaan universiti itu khususnya FPEP untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing.

"Saya mengikuti pengajian kerana minat untuk mengkaji lebih dalam lagi mengenai sektor kelapa sawit di mana kajian itu adalah berkaitan kerjaya saya sebagai pengurus perladangan sawit yang berpangkalan di Jakarta, Indonesia.

"Saya percaya dengan barisan pensyarah yang ada di FPEP UMS ini akan

membantu saya untuk fokus dan menamatkan pengajian ini dengan baik," katanya.

Untuk rekod, pecahan pelajar pascasiswazah FPEP UMS untuk semester ini terdiri daripada 27 pelajar ijazah doktor falsafah, selebihnya iaitu 10 pelajar yang lain adalah pelajar ijazah sarjana.

FPEP UMS sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Perniagaan dan Ekonomi ditubuhkan pada tahun 1995 bertujuan memenuhi keperluan negara dalam pelbagai bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan bagi memastikan Malaysia mencapai objektifnya untuk menjadi sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020.